

# MAJLIS PENGANUGERAHAN SAYAP JURUMALIM SIRI 5/18

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4518-majlis-penganugerahan-sayap-jurumalim-siri-5-18](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4518-majlis-penganugerahan-sayap-jurumalim-siri-5-18)



KUCHING, 14 Feb 19 - Majlis Penganugerahan Sayap Jurumalim Siri 5/18 telah diadakan di Dewan Seri Angkasa, Pangkalan Udara Kuching hari ini. Majlis ini telah disempurnakan oleh Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM kepada 4 orang penuntut.



Kursus Asas Jurumalim yang kini dikenali sebagai Kursus Asas Jurusensor Senjata-Taktikal Maritim Siri 5/18 terdiri daripada 3 orang Pegawai TUDM dan seorang Pegawai TLDM dengan menggunakan pesawat CN235 sebagai platform latihan.

Kursus yang mengambil masa selama hampir setahun telah bermula pada 3 Jan 18 dan berakhir pada 22 Jan 19. Penuntut Terbaik Keseluruhan bagi kursus ini telah disandang oleh Lt Mohamed Adib bin Abdul Razak TLDM. Tahniah diucapkan.



